

Cadangan tidak jejas kawasan lain

KUALA LUMPUR, Sela-
sa — Cadangan Filipina
melaksanakan projek
pembangunan empat segi
Asia Utara tidak menje-
jaskan projek seumpama-
nya di kawasan lain
yang dicadangkan Malay-
sia.

Perdana Menteri, Da-
tuk Seri Dr Mahathir Mo-
hammad, berkata projek
berkenaan adalah hak
dan tanggungjawab Fili-
pina yang dirancangkan
sendiri oleh negara itu.

"Itu rancangan dia (Fi-
lipina) dan kita ada rancan-
gan sendiri," katanya
mengulas kenyataan Setiausaha Perancang So-
sioekonomi Filipina, Cie-
lito Habito, yang
disiarkan dalam sebuah
akhbar di negara itu 15
April lalu.

Mengikut cadangan itu,
kawasan terbabit ialah
utara Luzon, Taiwan,
Hong Kong, selatan China
dan kemungkinan Okina-
wa, Jepun. Sebelum ini
Filipina terbabit dengan
penubuhan Kawasan Per-
tumbuhan Asia Timur
(EAGA).

Mengulas sikap pihak
tertentu di Filipina yang
terbabit dengan tunjuk
perasaan ketika lawatan
Yang di-Pertuan Agong,
Sultan Azlan Shah serta
Raja Permaisuri Agong,
Tuanku Bainun di Manila,
Khamis lalu, Dr Mahathir
berkata:

"Di Filipina ada lebih
60 juta penduduk. Tentu
ada pihak yang cuba me-
ngeluarkan pendapat ke-
terlalu. Kita tidak bo-
leh ambil perhatian
sangat mengenainya. La-
gipun Kerajaan Filipina
tidak mempunyai sikap
sedemikian."